

KURSUS KESELAMATAN PENGENDALIAN ULAR DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4867-kursus-keselamatan-pengendalian-ular-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 23 Apr 19 - Pangkalan Udara Gong Kedak dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Pangkalan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Kursus Keselamatan Pengendalian Ular Berbisa yang diadakan di Cawang Bomba Pangkalan.

Kursus Keselamatan Pengendalian Ular ini merupakan pertama kali diadakan di Cawang Bomba Pangkalan yang dikendalikan oleh Jurulatih Akedemi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Pegawai Bomba, Shafiq bin Mohamad dan Pegawai Bomba, Wan Mohamed Farizuan bin Wan Saiful Nizam. Kursus yang melibatkan 30 peserta pelbagai ketukangan telah berlangsung selama satu hari bagi mempelajari teori dan priktikal serta simulasi penangkapan ular

Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan keyakinan peserta kursus dalam mengendalikan kes-kes kecemasan yang melibatkan ular di kawasan Pangkalan mahupun tempat kerja dengan efektif dan selamat. Sepanjang kursus ini peserta didedahkan dengan jenis-jenis ular secara terperinci, rawatan kecemasan dan teknik-teknik serta peralatan yang sesuai untuk menangkap ular.

Majlis Penutup Kursus Pengendalian Ular serta penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Kol Shaiful Azuar bin Ariffin TUDM. Turut hadir sama Pegawai Laksana Pangkalan, Lt Kol Wan Zainal Abidin bin Wan Yaacob TUDM dan Ketua Cawang Bomba, Mej Mohd Fazli bin Ariffin TUDM.





